

# PENILAIAN AKHIR TAHUN

SKOR  
/130

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A**


[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]


Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada suasana kehidupan masyarakat Malaysia pada masa hadapan.

Huraikan pendapat anda tentang kehidupan masyarakat Malaysia pada masa hadapan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## KEHIDUPAN MASYARAKAT MALAYSIA PADA MASA HADAPAN



Saling Memahami Silang Budaya



Sanggup Berjuang untuk Negara



Perpaduan Semakin Kukuh

## **Bahagian B**

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Penggunaan kad elektronik telah menjadi budaya baharu dalam kalangan masyarakat pada alaf baharu ini. Penggunaan kad tersebut semakin meluas dan merangkumi pelbagai bidang.

Huraikan kepentingan kad elektronik kepada anda.

- 2 Mendidik remaja merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi oleh ibu bapa kerana mereka seolah-olah berada di dalam dunia mereka yang tersendiri manakala ibu bapa memerlukan kemahiran yang tinggi ketika mendidik mereka.

Ulas pernyataan tersebut.

- 3 Anak-anak muda semakin mendapat tempat di negara kita sejak belakangan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana ada anak muda yang dilantik sebagai pemimpin dan sebagainya.

Huraikan pendapat anda tentang peranan yang perlu dimainkan oleh anak-anak muda pada hari ini sebagai tonggak kepemimpinan negara pada masa hadapan.

- 4 Malapetaka sering berlaku di negara serantau seperti gempa bumi di Lombok dan tragedi pemain bola sepak remaja terperangkap di dalam gua di Thailand.

Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh Malaysia untuk membantu negara jiran jika berlaku kejadian seperti itu.

- 5 Lambakan buku berunsurkan sastera dalam pasaran membuktikan bahawa karya sebegini tidak mendapat tempat dalam hati masyarakat.

Huraikan faktor-faktor bahan bacaan berunsurkan sastera sudah tidak diminati dalam kalangan masyarakat kini.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

## KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4.

### Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan mengamalkan integriti dan usaha-usaha untuk meningkatkan integriti dalam kalangan masyarakat**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Integriti bermaksud kewibawaan yang meliputi keseluruhan pembawaan seseorang dari aspek peribadi, akhlak, tutur kata, dan sopan santun. Seseorang yang teguh prinsip integritinya akan menjauhkan diri daripada sikap tercela seperti hasad dengki, menyeleweng, dan pecah amanah. Dalam konteks yang berkaitan dengan generasi kita, golongan ini hendaklah dikentalkan jiwa mereka dengan warisan hidup berintegriti agar nilai mulia ini menjadi wawasan hidup mereka, dan seterusnya mereka terus memartabatkan kecemerlangan bangsa Malaysia.

Penyemaian dan penyuburan integriti dalam jiwa golongan ini tidak boleh dipandang ringan kerana mereka akan menceburkan diri dalam pelbagai perkhidmatan. Oleh sebab itu, integriti adalah sangat penting untuk memantapkan profesionalisme dalam kalangan kakitangan institusi atau agensi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berkhidmat untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu, integriti melibatkan kakitangan swasta untuk memastikan penghayatan nilai murni dalam pengurusan sikap pekerja. Tambahan pula, pihak kerajaan dan swasta saling bekerjasama untuk menentukan hala tuju negara. Langkah tersebut akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian awam. Dalam skop yang lebih luas menerusi Pelan Integriti Nasional, kerajaan menetapkan lapan sektor berasaskan peranan masing-masing untuk membudayakan integriti di Malaysia. Sektor tersebut meliputi keluarga, masyarakat, sosiobudaya, agama, politik, pentadbiran awam, ekonomi, dan pertubuhan sivil. Dengan itu, diyakini bahawa integriti dapat memantapkan urus tadbir dengan berkesannya demi kesejahteraan negara.

Menerusi penghayatan integriti ini, kita dapat membentuk anggota masyarakat yang lebih kukuh dari aspek moral dan etika apabila ahlinya berpekerti luhur. Hal ini tidak sukar kerana mereka sudah melalui proses yang melibatkan peranan keluarga, sistem persekolahan, dan persekitaran. Integriti yang dihayati dengan sepenuh jiwa akan menghalang seseorang daripada menyalahgunakan kuasa dan melakukan jenayah. Walau bagaimanapun, pembudayaan integriti ialah suatu proses dalam kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara yang berkaitan dengan integriti tidak berlaku secara paksaan. Kejayaan proses ini bergantung pada kesediaan dan kemampuan masyarakat mentransformasikan perubahan nilai. Oleh sebab pembentukan nilai memakan masa, proses *penyisihan nilai* pun mengambil masa juga. Jika penghayatan integriti berjaya dimantapkan terhadap generasi kita, integriti menjadi pemangkin terhadap proses pembangunan negara kerana kewujudannya menampilkan kaedah membaiki perwatakan, minda, serta budi pekerti rakyat negara ini.

Apabila kita memahami manfaat yang diperoleh daripada penghayatan integriti, wajar sekali pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia meningkatkan komitmen untuk menubuhkan penghayatan integriti dan etika dalam kehidupan generasi kita. Dalam erti kata lain, menerusi penjiwaan integriti, kita dapat mengubah mentaliti dan sikap rakyat daripada terus terkongkong dalam kepompong pemikiran dunia ketiga sekalipun mereka hidup dalam persekitaran serba moden.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Integriti Penentu Keamanan Manusia Sejagat'  
oleh Duryana Mohamad,  
*Berita Harian*, 1 Februari 2018

## Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *penyisihan nilai*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan bahawa penyemaian dan penyuburan integriti dalam kalangan generasi kita tidak wajar dipandang ringan.  
Nyatakan faktor-faktor pengarang berpendapat demikian. [3 markah]
- (iii) Usaha untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berwibawa, bertanggungjawab, dan rasional dalam setiap tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka bukanlah suatu usaha yang mudah.  
Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan yang membantutkan penghayatan integriti dalam kehidupan masyarakat? [4 markah]

### Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

NEK SINAH: Nak Aiman, mari makan. Nek dah siapkan makanan kegemaran Aiman, ayam masak asam pedas.

AIMAN: Hei, jangan panggil saya nak Aiman! Saya bukan anak Nek Sinah. Nek Sinah tu cuma orang gaji di rumah ini, faham? Saya belum lapar. Belum nak makan lagi. Saya nak tunggu Kak Dapnia balik, saya nak makan dengan dia.

NEK SINAH: Nenek sedar siapa diri nenek dalam rumah ini. Tadi Dapnia ada telefon beritahu yang dia tak balik makan tengah hari, dia banyak tugas di universiti. Malam baru dia pulang. Datin juga sibuk, malam baru dia pulang.

AIMAN: Kak Dapnia tak balik, *mummy* pun sama? Semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja. Macamlah esok dah nak kiamat.

NEK SINAH: Tak baik cakap begitu. Mereka pastinya ada urusan yang penting.

AIMAN: Sudahlah, Nek Sinah boleh keluar dari bilik saya ini. Nanti kalau saya lapar, saya pergi makan. Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat. Saya bukannya budak kecil lagi.  
(*NEK SINAH meninggalkan AIMAN dengan rasa kesal. Kesal dengan sikap AIMAN yang tidak menghormatinya dan ahli keluarga tersebut hanya mementingkan wang ringgit.*)

AIMAN: Bosan betul aku dengan Nek Sinah. Semua perkara nak diberitahu kepada aku. Suruh aku buat macam ini, macam itu. Hish, rimas aku dengan orang tua tu! Daripada aku fikir fasal Nek Sinah, baik aku tidur.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat untuk Negara'  
oleh Affix Zulkarnaen Adam  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Nek Sinah berasa kesal terhadap Aiman.  
Nyatakan faktor-faktor tersebut. [2 markah]
- (ii) Sikap menghormati golongan yang lebih tua dalam kalangan generasi muda semakin hilang dan perbuatan tersebut merupakan perbuatan yang tidak baik serta perlu dielakkan.  
Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan generasi muda semakin hilang perasaan hormat terhadap orang yang lebih tua daripada mereka? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “*Teririk bangkai* pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

Setelah hari hampir siang maka orang pun lalu. Maka dilihatnya seorang perlente mati; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.”

Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.”

Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka baginda pun menjadi hairan.

Maka titah baginda kepada Bendahara, “Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?”

Maka sembah Bendahara, “Ya tuanku, pada bicara patik, dua pertandaan lagi maka sungguh; tambahan Laksamana belum datang”

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, “Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangankan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.” Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud rangkai kata *Teririk bangkai*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan petikan tersebut, apakah yang telah berlaku kepada mayat Kertala Sari? [3 markah]

(iii) Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, “Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangankan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.” Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Pada pendapat anda, mengapakah mereka berani mengaku kepada raja bahawa mereka telah membunuh Kertala Sari? [3 markah]

### Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Baca syair di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syair Bidasari			
I			
Dengarkan tuan suatu riwayat, Raja di desa Negeri Kembayat, Dikarang fakir dijadikan hikayat, Supaya menjadi tamsil ibarat.	1	Beberapa lamanya dalam kerajaan, Baginda duduk bersuka-sukaan, Datanglah beroleh kedukaan, Baginda meninggalkan takhta kerajaan.	5
Ada raja suatu negeri, Sultan <i>halifah akas</i> bestari, Asalnya baginda raja yang bahari, Melimpah <i>ngadil</i> dagang senteri.	2	Datanglah kepada suatu masa, Melayanglah unggas dari angkasa, Unggas <i>gurda</i> sangat perkasa, Menjadi negeri rosak binasa.	6
Hairan orang empunya temasya, Baginda itulah raja perkasa, Sangat tiada merasai susah, Entah pada esok dan lusa.	3	Datanglah menyambar suaranya bahana, Gemparlah sekalian mulia dan hina, Seisi negeri gundah-gulana, Membawa diri ke mana-mana.	7
Seri sultan raja bestari, Setelah ia sudah beristeri, Beberapa bulan beberapa hari, Hamillah puteri permaisuri.	4	Baginda pun sedang dihadap orang, Mendengar gempar seperti perang, Bertitah baginda raja yang garang, “Gempar ini apakah kurang.”	8
<b>Jamilah Hj. Ahmad</b> (Penyelenggara) antologi <i>Jaket Kulit Kijang dari Istanbul</i> , Dewan Bahasa dan Pustaka			

(i) Berdasarkan **rangkap kedua** syair tersebut, nyatakan sifat-sifat raja Negeri Kembayat. [2 markah]

(ii) Membina kehidupan di tempat baharu setelah tempat yang kita diami tidak sesuai untuk diduduki lagi merupakan tindakan yang wajar bagi seseorang individu.

Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor yang mendorong seseorang itu berhijrah ke tempat baharu? [3 markah]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam syair tersebut. [4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) elit
- (ii) etika
- (iii) drastik
- (iv) strategi
- (v) prestasi
- (vi) persepsi

[6 markah]

(b) Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat nyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah**.

- (i) Jangan sekali-kali kamu menderhaka kepada ibu bapa kamu.
- (ii) Wah, hebat sungguh penampilan kamu semasa acara peragaan pakaian tradisional semalam!
- (iii) Mengapakah citra perpaduan dan pembinaan jati diri bangsa masih menjadi polemik yang berterusan?
- (iv) Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa golongan belia tidak disisihkan daripada arus pembangunan negara?
- (v) Semua aktiviti yang berkaitan dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah mesti dibanteras hingga akar umbinya.
- (vi) Universiti penyelidikan di Malaysia telah berjaya mendapat tempat dalam kelompok satu peratus universiti terbaik dunia.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Malaysia bakal menjadikan sebuah negara yang penting peranannya untuk memacu pasaran otomotif di rantau ASEAN menjelang tahun 2019.
- (ii) Prestasi ekonomi negara berada pada landasan yang kukuh berdasar petunjuk makro daripada pelbagai deminsi dan skop ekonomi.
- (iii) Cabaran dan strategi pelaksanaan kaedah pembelajaran sepatutnya berbeza mengikut lokasi persekolahan di bandar dan di luar bandar.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Setengah orang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana hendak mencapai persekitaran yang lebih baik dalam kerjaya yang diceburinya.
- (ii) Hutang isi rumah yang dicituskan daripada peningkatan purata sara hidup menyebabkan rakyat menyatakan bahawa hidup mereka tidak sesenang dahulu.
- (iii) Pertanian organik tidak menggunakan bahan kimia sintetik dengan baja kimia, racun makhluk perosak, dan hormon penggalak tumbuhan, hasil pertanian itu tiada kesan hiliran terhadap kesihatan pengguna.

[6 markah]

- (e) Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam petikan tersebut.

Tugas dan tanggungjawab guru tidaklah mudah dan cabaran yang hebat perlu ditempuh oleh mereka semasa melaksanakan tanggungjawab tersebut. Cabaran itu melibatkan skop tugas, sikap murid, dan suasana persekitaran. Namun demikian, bagi seorang guru, semua cabaran itu dapat diatasi kerana sudah menjadi kebiasaan bagi mereka, kerana bagi mereka,

- (i) \_\_\_\_\_. Hal inilah yang merangsang semangat guru-guru untuk memastikan murid-murid menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara kerana bagi mereka, (ii) \_\_\_\_\_. Mereka percaya bahawa setiap murid pasti akan berjaya jika dididik dengan sebaik-baiknya kerana (iii) \_\_\_\_\_. Golongan yang berada di luar profesion keguruan sukar memahami jiwa seorang guru dan ketabahan mereka semasa melaksanakan tugas yang penuh dengan cabaran itu.

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**  
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- |   |
|---|
| (i) <i>Jendela Menghadap Jalan</i> karya Ruhaini Matdarin<br>(ii) <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> karya Abdul Latip bin Talib<br>(iii) <i>Pantai Kasih</i> karya Azmah Nordin<br>(iv) <i>Di Sebaik Dinara</i> karya Dayang Noor |
|---|

- (a) Huraikan **dua** teguran penulis kepada masyarakat yang dapat dijadikan pengajaran berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan bahagian klimaks dan peleraian dalam novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**